

## PERANAN ḤADĪTH DA ‘ĪF BERAT DALAM PERSPEKTIF ISLAM

### *The Role of Weakest Ḥadīth in The Perspective of Islam*

Muhammad Ashraf Shahrulail\*

Mohd Khafidz Soroni\*\*

Suriani Sudi\*\*\*

#### ABSTRACT

*The weakest ḥadīth is a ḥadīth in which the narrator is severely criticized such as severe negligence, frequent mistakes, suspected lying and the like. The discussion of the weakest ḥadīth is among the aspects that have received comprehensive coverage among the scholarly circles of today. Therefore, this study was researched to seek detailed and precise information on the extent of using these weakest ḥadīth within the scope of Islamic perspectives. This study used a qualitative approach through descriptive and comparative research methods. From this study, the researcher concludes with confidence that the weakest ḥadīth that has a da‘īf tafarrud narration and violates the religious principles such as contradicting the al-Quran, the ṣaḥīḥ ḥadīth, the establishment of the shar‘ method or the ‘aql method, then the ḥadīth must be rejected or abandoned. However, if the weakest ḥadīth has a counterpart in other ṣaḥīḥ or maqbūl ḥadīth, and*

---

\* PHD Islamiyyat Candidates, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Selangor Islamic University (UIS) 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. [ashrafshahrulail89@gmail.com](mailto:ashrafshahrulail89@gmail.com).

\*\* Head of Hadis Unit, Hadith and Akidah Research Institute (INHAD), Selangor Islamic University (UIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. [mohdkhafidz@kuis.edu.my](mailto:mohdkhafidz@kuis.edu.my).

\*\*\* Senior Lecturer in Faculty of Islamic Civilisation Studies, Selangor Islamic University (UIS) 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. [suriani@kuis.edu.my](mailto:suriani@kuis.edu.my).

*it is under a general principle such as not contradicting the Islamic law, then it can be used. The weakest ḥadīth, on the other hand, are divided into two: the weakest ḥadīth that still have room to be used in faḍāil al-a`māl and the weakest ḥadīth that are close to maudū` ḥadīth or ḥadīth are agreed to be abandoned. This study is essential to make a judgment and find a meeting point to harmonize the differences of opinion to benefit Malaysia's Islamic community.*

**Keywords:** *The Role, Weakest Ḥadīth, The Islamic Perspective.*

## PENGENALAN

Hadis merupakan sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran. Hadis memiliki martabat yang tinggi di sisi agama Islam. Hal ini boleh dibuktikan dengan keistimewaan baginda SAW sebagai utusan pilihan Allah SWT kepada umat manusia. Peranan hadis dalam Islam mempunyai sejarah yang panjang melalui periwayatan lisan sehingga kepada kaedah penulisan dan penyusunan kitab yang sistematik. Fungsi hadis dapat menjelaskan permasalahan berkenaan ibadat, muamalat, pergaulan sosial dan urusan kehidupan seharian. Keperluan umat Islam terhadap pengetahuan ilmu hadis juga tidak boleh dinafikan. Tanpa ilmu hadis, khazanah ilmu Islam akan menjadi tempang dan terjejas. Tambahan pula pada zaman fitnah ini hadis berhadapan dengan pelbagai usaha pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mempertikaikan autoritinya. Penilaian status hadis sama ada *ṣaḥīḥ*,<sup>1</sup> *ḥasan*,<sup>2</sup> *ḍa`īf*<sup>3</sup> atau palsu merupakan perkara yang rumit bagi ulama hadis. Ini kerana penilaian terhadap status sesebuah hadis amat besar pengaruhnya dalam menentukan amalan dalam masyarakat Islam.

---

<sup>1</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang adil (kuat beragama), *ḍabīṭ* (kuat hafalannya), tidak terputus sanad, tanpa ada *shādh* dan *illat*

<sup>2</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang *adil*, kurang *ḍabīṭ*, tidak terputus sanad, tanpa ada *shādh* dan *illat*.

<sup>3</sup> Hadis yang tidak mencukupi syarat – syarat hadis *ṣaḥīḥ*.

Kesedaran terhadap mengenal pasti status, darjat atau kedudukan hadis dalam kalangan masyarakat juga dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Dalam konteks media sosial, polemik mengenai penilaian status hadis lebih cenderung kepada pertelingkahan di luar batas keilmuan, lebih-lebih lagi ia membabitkan orang awam atau individu yang menganggap pengetahuannya sudah cukup. Antara isu yang membawa kepada pertelingkahan ini termasuklah penggunaan dan pengamalan hadis *da'if* berat dalam perspektif Islam. Secara umum, hadis *da'if* terbahagi kepada dua jenis iaitu hadis yang ringan kelemahannya dan hadis yang berat kelemahannya. Hampir disepakati oleh seluruh ulama bahawa hadis *da'if* yang ringan diperbolehkan untuk digunakan dalam perkara kelebihan amal dan seumpamanya. Hadis *da'if* berat adalah hadis yang mempunyai perawi yang dikritik dengan kritikan yang sangat berat seperti banyak kelalaiannya, seringkali melakukan kesilapan dan dituduh berdusta.<sup>4</sup>

Pertikaian isu berkenaan penerimaan hadis *da'if* berat merupakan di antara aspek yang mendapat liputan perbincangan yang luas dalam kalangan ilmuan pada zaman ini. Sesetengah pihak mendakwa hadis *da'if* berat sama sekali tidak boleh diamalkan secara mutlak dalam perkara agama. Menurut Khadher Ahmad & Fauzi Deraman kewujudan hadis *da'if* berat dan seumpamanya disebabkan oleh pelbagai faktor yang terlampau seperti dikritik teruk periwayatannya, maka hadis seperti ini perlu ditinggalkan.<sup>5</sup> Manakala satu pihak lagi menegaskan tidak boleh hadis *da'if* berat itu ditolak secara mutlak. Abdul Muid menjelaskan, pengamalan hadis *da'if* berat masih boleh diterima sekiranya mempunyai riwayat-riwayat sokongan yang lain.<sup>6</sup> Ruang perbahasan berkenaan hadis *da'if* berat ini sebenarnya agak sempit. Justeru itu, setiap penilaian status sesebuah hadis haruslah dipandu mengikut garis panduan yang telah disusun oleh para ulama.

---

<sup>4</sup> Muḥammad 'Awwāmah, *Ḥukm al-'Amāl bi al-Ḥadīth al-Da'if Bayna al-Nadhariyya wa al-Taṭbīq wa al-Da'wā*, (Jeddah: Dār al- Minhāj lil Nashr wal Tawzī', 2017), 32.

<sup>5</sup> Khadher Ahmad & Fauzi Deraman. *Pendekatan 'Ulum al-Ḥadīth Dalam Menangani Salah Faham Terhadap Sunnah*, (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2021), 217.

<sup>6</sup> Abdul Muid, Mustafid, Ahmad Sabiq Ni'am, Fawaidul Hilmi & Muhammad Sufyan, *Membela Hadis Daif dan Ihya Ulumiddin*, (Jawa Timur: Sidogiri Penerbit, 2020), 257.

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menjelaskan peranan status hadis *da'if* berat dalam perspektif Islam. Perspektif Islam yang dimaksudkan di sini adalah dari sudut pandang manusia terhadap fungsi hadis *da'if* berat terhadap agama Islam melalui pengamalannya dalam hukum, akidah, kelebihan amal, ancaman dan galakan dan seumpamanya. Begitu juga kedudukan dan penggunaannya dalam penulisan kitab-kitab hadis. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui metode kajian deskriptif dan kompratif, maka hasil kajian mendapati peranan hadis *da'if* berat ini dapat digunakan dan diaplikasi dalam perspektif Islam.

Justifikasi kepada penelitian terhadap peranan hadis *da'if* berat ini adalah kerana ia seringkali menjadi isu dan polemik dalam kalangan penceramah agama dan ahli akademik. Sebahagian golongan mengatakan tidak boleh digunakan secara mutlak, manakala sebahagian lagi menjelaskan masih terdapat ruang untuk digunakan dalam perkara kelebihan amal dan seumpamanya. Justeru, kepentingan daripada perbincangan kajian ini adalah dapat memahami bahawa pendekatan para ulama berinteraksi dengan hadis *da'if* berat ini. Selain itu dapat mengetahui kaedah perbincangan para ulama hadis dalam menentukan sama ada sesebuah hadis *da'if* berat itu boleh digunakan dan diamalkan atau sebaliknya.

## DAPATAN KAJIAN

### Hadis *Da'if* Berat

Dalam pengajian ilmu hadis, terminologi hadis *da'if* berat berasal dari bahasa arab, iaitu *ḥadīth da'if shadīd* atau *da'if jiddan*. Menurut Khayr 'Abādī dalam kitab *mu'jam mustolahāt al-ḥadīth, ḥadīth al-da'if al-shadīd* membawa maksud hadis *da'if* yang berat. Hadis yang dinilai sedemikian mempunyai sanad yang merangkumi perawi yang berdusta, dituduh berdusta, *bid'ah*,<sup>7</sup> *fāsiq*,<sup>8</sup> banyak kesalahan dan banyak

---

<sup>7</sup> Ia bermaksud perawi yang berada dalam kelompok muktazilah, *khawārij*, *Murji'ah* dan selain dari mereka.

<sup>8</sup> Perawi yang sering berterusan melakukan dosa-dosa kecil dan besar.

kekeliruan.<sup>9</sup> Al-Ghourī dan al-Khumaysī mengatakan bahawa istilah *da'if jiddan* merupakan lafaz *al-jarh*<sup>10</sup> dalam tingkatan yang ketiga dari tingkatan-tingkatan lafaz *al-jarh* berdasarkan pendapat al-'Irāqī dan al-Suyūṭī.<sup>11</sup> Manakala menurut pendapat al-Dhahabī, al-Sakhāwī dan al-Sindī, lafaz *da'if jiddan* berada pada tingkatan yang keempat.<sup>12</sup> Ibn Ṣalāḥ pula menyatakan bahawa hadis palsu, hadis *matrūk*, hadis *munkar* dan hadis *shādh* merupakan kategori daripada hadis *da'if* berat.<sup>13</sup>

Hadis palsu adalah perkataan rekaan dan dicipta oleh seseorang lalu menisbakkannya kepada Rasulullah SAW. Dalam erti kata lain ia adalah hadis yang tidak *thābit* (wujud) dari Nabi SAW sama ada dari perkataannya, perbuatannya atau pengakuannya yang mana ia telah menisbahkan kepada Rasulullah SAW secara tersilap, sengaja, jahil atau terancang.<sup>14</sup> Muhammad Mustafa Azami mengkategorikan hadis-hadis palsu ini kepada dua iaitu pemalsuan hadis secara sengaja dan pemalsuan secara tidak sengaja.<sup>15</sup> Sebahagian ulama meletakkan hadis palsu berada pada kedudukan yang paling buruk dan keji. Maka ia termasuk dalam bahagian hadis *da'if* yang berat. Adapun sebahagian ulama menganggapnya sebagai satu bahagian yang tersendiri dan bukan daripada sebahagian hadis *da'if*.<sup>16</sup>

---

<sup>9</sup> Abū Laith al-Khayr 'Abādī, *Mu'jam Muṣṭalahāt al-Ḥadīth wa 'Ulumuhu wa Ashar al-Muṣonniḥīn fih*, ('Ammān: Dār al-Nafāis, 2009), 89.

<sup>10</sup> Kritikan terhadap seorang perawi.

<sup>11</sup> Syed 'Abd al-Mājid al-Ghourī, *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyah*, (Bangi: Darul Shakir, 2012), 330.

<sup>12</sup> 'Abd al-Raḥman Ibn Ibrāhīm al-Khumaysī, *Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, (Beirut: Dār Ibn Ḥazam, 2005), 141.

<sup>13</sup> Abū Laith al-Khayr 'Abādī, *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Mu'āṣīruha*, (Bangi: Darul Shakir, 2019), 272.

<sup>14</sup> Syed 'Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Ḥadīth al-Mauḍū' 'Asbāb Ikhtilāqihī wa Khuṭura Intishārihī wa Dawābiḥ Ma'rīfatihī wa Torīqat al-Takhallūs minhu*, (Bangi: Dār al-Syakir, 2017), 12.

<sup>15</sup> Muhammad Mustafa Azami, *Studies in Hadith Methodology and Literature*, terj. A. Yamin, Metodologi Kritik Hadith (Bandung: Pustaka Hidayah, 1992), 25.

<sup>16</sup> Maḥmūd Ṭaḥḥan, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, 2011), 70.

Hadis *matrūk* adalah hadis yang di dalam sanadnya terdapat perawi yang dituduh berdusta. Kedudukan hadis *matrūk* terletak pada kedudukan yang kedua selepas hadis palsu.<sup>17</sup> Antara ciri-ciri lain yang wujud dalam hadis *matrūk* ialah:

- i. Hadis *matrūk* itu terdapat perawi yang dituduh berdusta.
- ii. Hadis *matrūk* itu terdapat perawi yang dituduh palsu.<sup>18</sup>
- iii. Perawi tersebut disepakati *keḍa ʿifannya*.
- iv. Perawi tersebut *tafarrūd* (berseorangan) dalam meriwayatkan hadis tersebut. Ia membawa maksud tidak ada hadis yang meriwayatkannya kecuali dia seorang sahaja.<sup>19</sup>
- v. Hadis yang bertentangan dengan dengan nas-nas al-Quran.
- vi. Hadis yang bertentangan dengan nas *qatʿe* dalam sunnah nabawiyah.

Hadis *munkar* adalah hadis yang diriwayatkan oleh perawi *ḍaʿīf* bertentangan dengan riwayat perawi yang *thiqāt*.<sup>20</sup> Takrif ini telah menjadi pilihan di kalangan *muhaddithīn* (ahli hadis). Ulama *mutaqaddimīn*<sup>21</sup> pula seringkali menamakan hadis *munkar* terhadap sesuatu hadis semata-mata kerana hadis itu tiada sokongan walaupun perawi itu *thiqat*.<sup>22</sup> Hadis ini juga diriwayatkan secara bersendirian oleh orang yang diberi gelaran *ṣadūq*<sup>23</sup>. Sedangkan menurut al-Dhahabī, ia

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, 73.

<sup>18</sup> Abū Laith al-Khayr ʿAbādī, *ʿUlūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Muʿāṣīruha*, 272.

<sup>19</sup> Sayyīd Muḥammad al-ʿAlāwī al-Mālikī, *al-Manḥal al-Laṭīf fī Usūl al-Ḥadīth al-Sharīf*, (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyāh, 2000), 145.

<sup>20</sup> Sifat keadilan dan hafalan yang sempurna pada seorang perawi. Lihat Syed ʿAbd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī ʿIlmī Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* (Bangi: Dār al-Syakir, 2019), 223.

<sup>21</sup> Ulama hadis yang muncul sebelum berakhirnya kurun 500 hijrah.

<sup>22</sup> Nuruddīn Al-ʿIṭr, *Manḥaj al-Naqd fī ʿUlūm al-Ḥadīth*, (Damshiq: Dār al-Fikr al-Muʿāṣir, 1997), 340.

<sup>23</sup> Seseorang yang disifatkan sebagai benar dalam hadis. Dalam masa yang sama juga beliau disifatkan sebagai seorang yang agak kurang kuat dari segi hafalannya.

diungkapkan dengan hadis yang diriwayatkan secara bersendirian oleh perawi yang *da'if*.<sup>24</sup> Periwatannya hadis mereka ini bersendirian sehingga ia tidak memiliki *mutāba'āt*<sup>25</sup> dan *shawāhid*<sup>26</sup> dari hadis yang lain.<sup>27</sup> Menurut Maḥmūd Ṭaḥḥan, hadis *munkar* termasuk dalam kategori hadis *da'if* berat.<sup>28</sup>

Hadis *Shādh* bermaksud seseorang yang bersendirian daripada orang lain. Dari segi istilah, hadis *shādh* adalah hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang *maqbul* (periwayatannya diterima) dalam keadaan yang bercanggah dengan perawi yang lebih utama daripadanya.<sup>29</sup> Antara jenis-jenis hadis yang termasuk dalam pembahagian hadis *shādh* menurut Khair 'Abādī ialah:

- i. *Mudraj*: Hadis yang terdapat pada sanad atau matannya bentuk-bentuk tambahan luaran yang tiada pada asalnya dan disangka bahawa ia daripadanya.<sup>30</sup> Kesalahan ini boleh berlaku pada sanad atau matan.<sup>31</sup>
- ii. *Maqlūb*: Hadis yang ditukar dan dipinda padanya suatu lafaz yang lain, atau nama dengan nama yang lain di dalam sanad dalam bentuk didahulukan nama yang terkemudian dan sebaliknya.<sup>32</sup> Kesalahan ini boleh berlaku pada sanad atau matan.<sup>33</sup>

---

<sup>24</sup> 'Abd al-Raḥman Ibn Ibrāhīm al-Khumaysī, "Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī", 236.

<sup>25</sup> Seorang perawi hadis berkongsi sama dengan seorang perawi yang lain dalam meriwayatkannya, sama ada ia meriwayatkan hadis itu dari guru yang sama ataupun guru yang lebih atas darinya sehinggalah ke akhir sanad.

<sup>26</sup> Seorang sahabat yang meriwayatkan matan hadis yang turut diriwayatkan oleh sahabat yang lain dengan lafaz atau makna yang sama

<sup>27</sup> Syed 'Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī 'Ilmī Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 258.

<sup>28</sup> Maḥmūd Ṭaḥḥan, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 75.

<sup>29</sup> Maḥmūd Ṭaḥḥan, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 76.

<sup>30</sup> Abū Laith al-Khayr 'Abādī, 'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Mu'āṣiruha, 273.

<sup>31</sup> Syed 'Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī 'Ilmī Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 245.

<sup>32</sup> Abū Laith al-Khayr 'Abādī, 'Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Mu'āṣiruha, 273.

<sup>33</sup> Syed 'Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī 'Ilmī Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, 253.

- iii. *Muḍṭarib*: Hadis yang diriwayatkan dalam bentuk yang berbeza tetapi sama dari aspek kekuatan.<sup>34</sup> Kesalahan ini boleh berlaku pada sanad atau matan.<sup>35</sup>
- iv. *Muṣahḥaf*: Hadis yang berubah perkataan di dalamnya berbeza dengan lafaz yang diriwayatkan oleh perawi *thiqat* samada perubahan tersebut pada lafaz atau maknanya.<sup>36</sup> Ibn Ḥajar ‘Asqalānī berpendapat sekiranya kesalahan ini berlaku pada bentuk huruf atau tanda titik, maka ia dinamakan *muṣahḥaf*. *Taṣḥīf* ini boleh berlaku dengan sengaja atau tidak sengaja. Kesilapan ini juga boleh berlaku pada sanad dan matan.<sup>37</sup>

Setiap penilaian dalam mana-mana kategori hadis *ḍa‘īf* berat ia meliputi penilaian terhadap matan dan sanad hadis. Setelah melihat ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kategori hadis *ḍa‘īf* berat, beberapa faktor yang menjadikan sesebuah hadis *ḍa‘īf* berat itu ditolak ialah terdapat perawi yang dikritik secara berat dan periwayatannya berlaku dalam keadaan *tafarrūd* serta hadis yang diriwayatkannya bertentangan dengan riwayat perawi yang lebih kuat. Secara istilah, *tafarrūd* bermaksud perawi yang meriwayatkan hadis secara bersendirian.<sup>38</sup> Tambahan lagi tiada riwayat sokongan yang boleh menyokong makna hadis tersebut. Faktor-faktor lain ialah wujud tanda-tanda atau bukti yang kukuh seperti bertentangan dengan ayat al-Quran, periwayatan hadis yang *ṣahīḥ*, *ijmā‘* (kesepakatan para ulama) dan kaedah syariat yang lain. Al-Dhahabī menegaskan, hadis palsu (ia termasuk kategori hadis *ḍa‘īf* berat) adalah hadis yang matannya menyelisih kaedah agama dan perawinya adalah pendusta.<sup>39</sup>

---

<sup>34</sup> Abū Laith al-Khayr ‘Abādī, ‘*Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Mu’āṣiruha*, 273.

<sup>35</sup> Syed ‘Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī ‘Ilmī Muṣṭalah al-Ḥadīth*, 227.

<sup>36</sup> Abū Laith al-Khayr ‘Abādī, ‘*Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Mu’āṣiruha*, 273.

<sup>37</sup> Syed ‘Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī ‘Ilmī Muṣṭalah al-Ḥadīth*, 239.

<sup>38</sup> Nuruddīn Al-‘Iṭr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 396.

<sup>39</sup> Syams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad al-Dhahabī, *al-Mūqīzah*, ed. ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. c. 5., (Kaherah: Dār al-Salam, 2000), 36.



## Hadis *Da'if* Disebabkan *Tafarrūd* dalam Periwatyan

Secara kebiasaannya, perawi yang dikritik sebagai *da'if* akan memberi kesan yang negatif dalam periwatyan hadis. Status *da'if* atau *da'if berat* seseorang perawi dalam periwatyan *tafarrūd* memberi isyarat yang hampir jelas tentang kewujudan *'illat* (kecacatan) pada periwatyan tersebut. Menurut Abū Bakar al-Bardījī menjelaskan bahawa *munkar* di sisi beliau adalah sesebuah hadis yang diriwayatkan secara *tafarrūd* daripada seorang perawi dan tidak diketahui matan hadis tersebut kecuali melalui riwayat itu sahaja.<sup>40</sup> Pandangan Ibn Abī Ḥātim pula menjelaskan berkenaan kelemahan dan *munkar* sesebuah hadis dapat diketahui melalui *tafarrūd* daripada perawi yang tidak memiliki sifat *'ādil*<sup>41</sup> dalam periwatnyanya.<sup>42</sup> Al-Tirmidhī turut menjelaskan perkara yang sama. Menurut beliau, setiap hadis yang diriwayatkan secara *tafarrūd* daripada mereka yang dituduh berdusta atau dinilai sebagai *da'if* kerana cuai atau banyak melakukan kesilapan, tidak boleh ia dijadikan hujah.<sup>43</sup> Berpandukan kepada pandangan yang dilontarkan oleh ketiga-tiga ulama *mutaqaddimīn* tersebut, jelas menunjukkan bahawa mereka menolak periwatyan *tafarrūd* sekiranya datang daripada perawi *da'if* mahupun *da'if berat*.

Ulama *muta'akhhirīn*<sup>44</sup> turut menyuarakan pandangan yang sama. Menurut Ibn Ṣalāḥ, sekiranya periwatyan *tafarrūd* berlaku pada perawi *da'if*, maka riwayat tersebut menjadi *shādh* lagi *munkar*.<sup>45</sup> Pandangan ini turut disuarakan oleh al-Nawāwī. Jelas beliau sekiranya

---

<sup>40</sup> Abū 'Amrū 'Uthmān Ibn 'Abd Raḥman al-Syahrūzūrī Ibn Ṣalāḥ, *Ma'rifah Anwā' 'Ilm al-Ḥādīth*. Tahqīq: Māhir Yāsin Faḥl & 'Abd al-Laṭīf al-Ḥamīm. c. 1., (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyāh, 2002), 85.

<sup>41</sup> Perawi yang sentiasa bersifat takwa, menjauhkan diri daripada perkara-perkara keji seperti perbuatan dosa, fāsiq, bid'ah atau segala perbuatan tidak baik yang boleh mencalarakan maruah.

<sup>42</sup> Abū Muḥammad 'Abd al-Raḥmān Ibn Abī Ḥātim, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. c. 1., (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyāh, 1953), 135.

<sup>43</sup> Al-Tirmidhī, Abū 'Isa Muḥammad Ibn 'Isā, *Mawsū'āt al-Ḥādīth al-Sharīf Kutub al-Sittah, Jāmi' al-Tirmidhī bi Isyrāf wa Murāja'āt Ṣalīḥ Ibn 'Abd al-'Azīz Ibn Muḥammad Ibrāhīm Al-Syaykh* c. 3., (Riyāḍ: Dār al-Salam, 2000), 86.

<sup>44</sup> Ulama hadis yang muncul selepas kurun 500 hijrah.

<sup>45</sup> Abū 'Amrū 'Uthmān Ibn 'Abd Raḥman al-Syahrūzūrī Ibn Ṣalāḥ, *Ma'rifah Anwā' 'Ilm al-Ḥādīth*, 142.

status kedudukan perawi bukan dari kalangan perawi *ṣahīḥ* atau *ḥasan*, maka *tafarrūd* daripadanya menjadi *shādh*, *munkar* dan ditolak.<sup>46</sup> Al-Sakhāwī turut menyatakan perkara yang sama. Beliau menjelaskan *tafarrūd* daripada perawi yang *ḍa'īf* adalah tertolak.<sup>47</sup> Muṣṭafā al-Sibā'ī yang mewakili ulama *mu'aṣṣirīn*<sup>48</sup> menegaskan, hadis yang ditolak adalah perawi yang dikritik dengan kritikan berat seperti pendusta, pemalsu hadis atau seumpamanya secara *tafarrūd*.<sup>49</sup> Dalam masa yang sama ia bercanggah dengan kaedah agama seperti menyelisihi al-Quran, sunnah atau hadis *mutawātir*,<sup>50</sup> *ijmā'* para ulama dan seumpamanya. Disebabkan itulah Ibn Hajar al-'Asqalānī meletakkan salah satu syarat untuk mengamalkan hadis *ḍa'īf* adalah tidak meriwayatkan hadis *ḍa'īf* yang terlalu berat, maka terkeluarlah periwayatan *tafarrūd* dari kalangan perawi yang dituduh berdusta dan banyak kesalahannya. Ini adalah kesepakatan para ulama.<sup>51</sup>

## Menyalahi Kaedah Agama

Periwayatan hadis yang bercanggah dengan sumber syariat di antara syarat utama penolakan sesuatu hadis disamping periwayatan *tafarrūd* dari perawi yang *ḍa'īf*. Iḍlābī menjelaskan, hadis *munkar* terjadi disebabkan salah seorang perawi hadis tersebut *ḍa'īf* serta periwayatannya secara *tafarrūd*. Di samping itu, hadisnya bertentangan dengan kaedah-kaedah *shar'īe*.<sup>52</sup> Menurut al-Khātīb al-Baghdādī, tidak boleh diterima khabar *aḥad* yang terdapat penafian pada hukum akal,

---

<sup>46</sup> Muḥy al-Dīn Ibn Sharaf al-Nawāwī, *al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma'rīfat al-Sunan al-Bashīr wa al-Nadhīr*, ed. Muḥammad al-Khasht. c. 1. (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1985), 158.

<sup>47</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, *Faḥ al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-'Irāqī*, ed. 'Alī Ḥusain 'Alī (t.tp.: Dār al-Imām al-Ṭabarī, 2003), 137.

<sup>48</sup> Ulama hadis pada zaman ini.

<sup>49</sup> Muṣṭafā al-Sibā'ī, *al-Sunnah wa Makānatuhu fī Tashrī' al-Islāmī* (Beirut: Maktabah al-Islāmī. 1985), 86.

<sup>50</sup> Hadis yang diriwayatkan oleh sekelompok perawi yang ramai pada setiap *ṭabaqat* (peringkat) yang bilangannya ramai dan menunjukkan mustahil pada adatnya mereka semua berpakat menipu dan berdusta.

<sup>51</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, *Faḥ al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-'Irāqī*, 363.

<sup>52</sup> Ṣalāḥ al-Dīn Ibn Aḥmad al-Idlābī, *Manhaj Naqd al-Matn 'Inda 'Ulamā al-Ḥadīth al-Nabawī*, (Kaherah: Dar al-Fatāḥ 2012), 147.

makna al-Quran yang jelas, sunnah yang maklum, perbuatan yang bertepatan dengan sunnah dan nas-nas yang telah diputuskan.<sup>53</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī ketika memberi takrif berkaitan hadis *matrūk*, beliau menjelaskan hadis *matrūk* adalah hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang dituduh berdusta, hadisnya tidak diketahui melainkan hanya jalannya sahaja dan hadisnya menyalahi kaedah-kaedah yang telah dimaklumi.<sup>54</sup> Takrif ini juga dijelaskan oleh al-Suyūṭī dalam kitab *Tadrīb al-Rāwī*.

Menurut Sayyīd Muḥammad al-‘Alāwī al-Mālikī, ungkapan ‘menyalahi kaedah-kaedah yang telah dimaklumi’ membawa maksud percanggahan kaedah-kaedah *shar‘ie* yang telah dikaji oleh para ulama mujtahid dari nas-nas yang *sharī‘e* sama ada daripada al-Quran atau Sunnah, *ijmā‘* dan bertentangan dengan prinsip akal.<sup>55</sup> Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh pula menyatakan, *tafarrūd* tidak akan mencatitkan hadis melainkan jika kandungannya menyalahi periwayatan *thiqat*, menyalahi usul atau lafaznya yang pelik.<sup>56</sup> Seterusnya takrifan tersebut telah diikuti oleh ulama *mu‘aṣṣirīn* seperti Maḥmūd Ṭaḥḥan, Mannā‘ Qaṭṭān (w.1419) dan Nūriddīn ‘Iṭr (w.1441). Al-Ghourī menambah lagi, sekiranya sesebuah hadis ditemukan seiring dengan tanda-tanda bukti yang kukuh seperti bertentangan dengan nas al-Quran dan nas sunnah yang *qaṭ‘ie*, atau hadisnya bertentangan dengan kaedah agama, atau perawi yang banyak kesilapannya apabila setelah dikaji, atau hadisnya seringkali bertentangan dengan perawi *thiqat*, maka barulah ia layak dinamakan hadis *matrūk* dan ditolak hadisnya.<sup>57</sup> Ibn al-Jauzī turut menjelaskan perkara yang hampir sama iaitu apabila kamu melihat sesuatu hadis menyanggahi logik, menyalahi wahyu, bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam maka ketahuilah ia adalah palsu.<sup>58</sup>

---

<sup>53</sup> Abū Bakr Aḥmad Ibn ‘Ālī Ibn Thābit al-Khātib al-Baghdādī, *al-Kifāyat fī ‘Ilm al-Riwāyah* (Jām‘iyyah Dā‘irat al-Ma‘ārif al-‘Uṭhmaniyyah, 1933), 183.

<sup>54</sup> Nuruddīn Al-‘Iṭr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 299.

<sup>55</sup> Sayyīd Muḥammad al-‘Alāwī al-Mālikī, *al-Manhal al-Laṭif fī Usūl al-Ḥadīth al-Sharīf*, 146.

<sup>56</sup> Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh, *Al-Ittijāhāt al-Ḥadīthiyyah fī al-Qarn al-Rābi‘ ‘Aṣar* (Kaherah: Dār al-Baṣāir, 2009), 183.

<sup>57</sup> Syed ‘Abd al-Mājid al-Ghourī, *al-Muyassar fī ‘Ilmī Mustolaḥ al-Ḥadīth*, 259.

<sup>58</sup> Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, 1993), 210.

Faktor lain yang menjadikan sesebuah hadis ditolak adalah matan hadis tersebut membawa makna yang *fāsid* atau maksud yang rosak. Muḥammad ‘Awwāmah menjelaskan, jika berlaku kesalahan yang banyak ketika meriwayatkan hadis, dan buruk dari segi makna, maka hadisnya dianggap sebagai *matrūk*, dan *matrūk* adalah bahagian daripada hadis *da ‘īf* berat.<sup>59</sup> Tambahan lagi menurut Ibn Ḥajar yang dikutip dari al-‘Itr, dikatakan bahawa makna yang rosak merujuk kepada makna hadis bersumber daripada kehinaan dan kekurangan, sedangkan agama Islam itu indah dalam pelbagai aspek.<sup>60</sup> Menurut Ḥammām, antara bentuk riwayat *tafarrud* yang ditolak adalah apabila lafaz hadis tersebut tidak sesuai dan maknanya rosak.<sup>61</sup> Ṭāriq turut menegaskan bahawa *tafarrud* yang ditolak apabila matan hadis tersebut diingkari atau janggal. Perkara tersebut menunjukkan satu isyarat berlakunya kesilapan daripada perawi tersebut.<sup>62</sup>

### **Pembahagian Hadis *Da ‘īf* Berat**

Perselisihan dalam menilai status sesebuah hadis memang wujud dalam kalangan *muhaddīthīn*. Al-Baiḥāqī telah mengkategorikan dalam beberapa bahagian hadis yang seringkali dinilai oleh para *muhaddīthīn* iaitu meliputi hadis yang disepakati *ṣaḥīḥ*, hadis yang disepakati kelemahannya, dan hadis yang diperselisihkan penilaian statusnya.<sup>63</sup> Secara hakikatnya, setiap penilaian berkenaan status sesebuah hadis merupakan ijtihad daripada mereka. Al-Munḍhirī menegaskan bahawa perbezaan pendapat dalam kalangan *muhaddīthīn* ia samalah seperti perbezaan pendapat daripada kalangan fuqaha (ahli fiqh). Semuanya berdasarkan daripada ijtihad mereka.<sup>64</sup> Perlu diingatkan bahawa setiap ijtihad dari ulama hadis dalam menentukan status hadis adalah dalam

---

<sup>59</sup> Muḥammad ‘Awwāmah, *Ḥukm al-‘Amāl bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf Bayna al-Nadhariyya wa al-Taṭbīq wa al-Da‘wā*, 20.

<sup>60</sup> Nuruddīn Al-‘Itr, *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 326.

<sup>61</sup> ‘Abd al-Jawād Hammām, *al-Tafarrūd fī Riwayāyah al-Ḥadīth wa Manhaj al-Muhaddīthīn fī Qaulīhi Wa Raddīhi*, (Damsyīq. Dār al-Nawādir, 2008), 86.

<sup>62</sup> Ṭāriq ‘Iwād Allah, *Sharḥ Alfīyyah al-Ḥadīthiyyah al-Musammā bi Lughat al-Muhaddīth al-Kubrā* (Kaherah. Dār Ibn ‘Affān. 2017), 93.

<sup>63</sup> Ahmad Ibn al-Ḥusayn al-Baiḥāqī, *Ma‘rifat al-Sunan wa al-Āthār*, (Damshīq: Dar Qutaibah, 1991), 1: 182.

<sup>64</sup> ‘Abdullah Ibn Yūsuf al-Judai‘, *Tahrīr fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, (Beirut: Muassasat al-Rayyan, 2003), 148.

ruang lingkup ijtihad secara *zannī*<sup>65</sup> dan bukan *qaṭ'ī* (secara pasti). Ibn Hajar al-ʿAsqalānī dalam *Fath al-Bārī* menjelaskan bahawa penilaian kecacatan terhadap sesebuah hadis oleh ulama di bidang hadis adalah berdasarkan pada *zannī*.<sup>66</sup> Al-ʿAjlūnī pula menguatkan lagi kenyataan tersebut bahawa menilai hukum kepada status sesebuah hadis sama ada ia palsu, *ṣahīḥ* atau seumpamanya hanyalah berdasarkan kepada aspek sanad atau selainnya. Maka bukanlah ia penilaian secara nyata dan *qaṭ'ī*.<sup>67</sup> Namun, dalam pada masa yang sama, kita perlu mengambil kira perselisihan pendapat ulama hadis dalam menentukan penilaian sesuatu hadis.<sup>68</sup>

Perbincangan berkenaan pembahagian hadis *da'if* berat tidaklah banyak dibincangkan. Namun, sebahagian sarjana ada menyebutkan tentang perihal berkenaan. Menurut al-Tahānuwī, apa yang disebutkan oleh Ibn al-Jauzī dalam kitab *al-ʿIlāl al-Mutanāhiat* tidak semuanya dihimpunkan sebagai *da'if* berat, bahkan terdapat hadis yang diperselisihkan oleh ulama dan ada yang paling hampir darjatnya dengan hadis yang *maqbul*. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa hadis *da'if* berat mempunyai dua kedudukan. Salah satunya ialah *muhaddithīn* bersepakat atas kelemahannya yang bersangatan. Kedudukan yang kedua pula mereka masih berselisih di atas kelemahannya yang bersangatan. Kedudukan yang pertama ini tidak boleh dijadikan hujah dan kedudukan yang kedua terkadang boleh dijadikan hujah.<sup>69</sup>

Perlu ditegaskan juga tentang perbezaan pendapat terhadap penilaian hadis oleh *muhaddithīn*. Ada hadis yang disepakati sebagai palsu oleh *muhaddithīn* dan ada pula hadis yang diperselisih statusnya. Ibn al-Jauzī dalam kitab beliau *al-ʿilāl Mutanāhiat Fī Aḥādīth Al-Wāhiyah* telah membahagikan hadis kepada enam jenis:

---

<sup>65</sup> Ketidakpastian atau keraguan yang *rājih* (cenderung) antara dua belah kepercayaan, tanpa ada *jazam* (tanpa berkepastian secara yakin).

<sup>66</sup> Aḥmad Ibn ʿAlī Ibn Hajar al-ʿAsqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, ed. Shuʿayb al-ʿArnaʿūṭ (Beirut: Syarikat al-Risālah al-ʿAlāmiyyat, 2013), 1: 585.

<sup>67</sup> Ismāʿil Ibn Muḥammad al-ʿAjlūnī, *Kashf al-Khafāʾ wa Muzīl al-Ilbās ʿammā Ishtahara min al-Aḥādīth ʿalā Alsināt al-Nās*, (Mesir: Maktabah al-Qudsi, 1932), 1: 9.

<sup>68</sup> Hussein Abd al-Kadir, *Pencerahan Dalam Bidang Hadīth*, (Kota Bharu: Jabal Maraḳy Sdn. Bhd., 2017), 81.

<sup>69</sup> Zafār Aḥmad al-ʿUthmānī al-Tahānawī, *Qawāʿid fī ʿUlūm al-Ḥadīth*, ed. ʿAbd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. (Beirut: Dār al-Qalam, 1972), 115.

- i. Hadis yang disepakati oleh al-Bukhārī dan al-Muslim.
- ii. Hadis yang diriwayatkan secara berasingan oleh al-Bukhārī dan al-Muslim.
- iii. Hadis yang *sahīh* sanadnya menurut syarat al-Bukhārī dan al-Muslim
- iv. Hadis yang wujud sedikit *keḍa 'īf*annya, tetapi masih boleh diterima iaitu dinamakan hadis *ḥasan*
- v. Hadis yang sangat *ḍa 'īf* dan amat goyah. Jenis ini berbeza jenis tingkatannya disisi ulama. Sebahagian mereka mendekatkannya dengan hadis-hadis *ḥasan*, dan sebahagian yang lain pula melihat kuat goyahnya, lalu disertakan hadis-hadis *mawḍū'ī*.
- vi. Hadis palsu yang sudah pasti ianya mustahil dan dusta.<sup>70</sup>

Pada kedudukan '*hadis yang sangat ḍa 'īf dan amat goyah*' ini jelas memberikan petunjuk seolah-olah wujud pembahagian hadis *ḍa 'īf* berat yang boleh diterima ataupun ditolak. Berdasarkan kepada kenyataan diatas, pemahaman ini juga mungkin boleh diambil daripada pendapat al-Dhahabī dalam kitab beliau *al-Mūqīzah*. Al-Dhahabī mengatakan bahawa *Mawḍū'ī* (palsu) ialah hadis yang bertentangan dengan kaedah-kaedah syarak dan perawinya adalah pendusta. Ia ada beberapa peringkat:

- i. Hadis yang disepakati bahawa ianya dusta, dan ia diketahui dengan pengakuan pembuatnya, dengan mengenal pasti tanda dusta daripadanya dan seumpama dengannya.
- ii. Hadis yang kebanyakan ulama mengatakannya sebagai palsu, manakala sebahagian ulama lagi mengatakannya sebagai yang gugur dibuang (*sāqit maṭrūh*), Oleh itu, kami tidak berani untuk menamakannya sebagai palsu.

---

<sup>70</sup> Zafār Aḥmad al-'Uthmānī al-Tahānawī, *Qawā'id fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, 116.

- iii. Hadis yang *jumhūr* mengatakannya sebagai lemah dan gugur, manakala sebahagian lagi berpendapat dusta.<sup>71</sup>

Jika dilihat pembahagian hadis *da'if* berat ini kepada dua bahagian, al-Nawāwī ada menyatakan bahawa perkataan daripada pandangan dalam kalangan *muhaddīthīn*, fuqaha dan selainnya, bahawa harus dan disunatkan beramal dalam *faḍail al-a'māl* (kelebihan amal) dan *targhīb wa tarhīb* (ancaman dan galakan) pada hadis *da'if* selagi mana ia tidak palsu. Lafaz pengecualian '*selagi mana ia tidak palsu*' seolah-olah ingin menggambarkan bahawa kategori hadis *da'if* berat yang diterima juga berada pada kedudukan yang sama dengan hadis *da'if*.<sup>72</sup> Pandangan al-Nawawi ini juga mungkin disebut oleh Ibn Ṣalāh dan Ibn Daqīq al-I'īd. Ibn Daqīq al-I'īd berpendapat bahawa apabila hadisnya *da'if*, tetapi tidak sampai ke tahap kategori palsu, maka perlu diperincikan lagi. Jika hadis tersebut menunjukkan kepada syiar terhadap perkara yang baru, maka tidak diterima hadisnya. Namun, jika tidak menunjukkan syiar terhadap perkara yang baru, maka perlu ditinjau. Boleh jadi kandungan hadis tersebut tetap sunnah untuk diamalkan kerana tercakup dalam keumuman dalil lain yang mengarahkan kepada perintah mengerjakan kebaikan.<sup>73</sup>

Ibn Ṣalāh pula menyatakan bahawa *Muhaddīthīn* dan selainnya membolehkan untuk *tasāhul* (bertoleransi) dalam meriwayatkan segala hal dalam hadis *da'if* selain dari hadis palsu tanpa perlu menjelaskan kelemahannya, selama mana ia tidak menjelaskan berkenaan sifat-sifat Allah SWT, hukum hakam syariat yang merangkumi halal, haram dan yang lain.<sup>74</sup> Al-Dimashqī mengatakan bahawa meriwayatkan hadis selain dari palsu dibolehkan dalam *faḍā'il al-a'māl*, *raqā'iq* (akhlak) dan sebagainya. Perkara tersebut boleh

---

<sup>71</sup> Syams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad al-Dhahabī, *al-Mūqīzah*, ed. 'Abd al-Fattah Abū Ghuddah. c. 5., 36.

<sup>72</sup> Muḥy al-Dīn Ibn Sharaf al-Nawāwī, *al-Azkār al-Nawāwīyyah*, (Beirut: Dār al-Fikr 1994), 8.

<sup>73</sup> Abū al-Faḍl Taqī al-Dīn Muḥammad Ibn 'Alī Ibn Wahab Ibn Daqīq al-I'īd, *Iḥkām al-Aḥkām Sharḥ 'Umdāt al-Aḥkām* (Kaherah: Maktabat al-Sunnah 1997), 121.

<sup>74</sup> 'Uthmān Ibn 'Abd al-Raḥman Taqī al-Dīn Ibn Ṣalāh, *Muqaddimah Ibn Ṣalāh*, ed. Nuruddīn al-'Iṭr, (Beirut: Dār al-Fikr. 1986), 1: 104.

diamalkan menurut majoriti para ulama.<sup>75</sup> Al-‘Irāqī juga bersetuju bahawa adapun periwayatan selain hadis palsu, maka *muhaddithīn* membolehkan untuk melonggarkan sanadnya dan dibolehkan untuk meriwayatkan hadisnya jika ia bukan berkaitan akidah dan hukum tetapi hanya berkaitan *targhīb wa tarhīb*.<sup>76</sup>

### **Kaedah Menguatkan Hadis *Da ‘if* Berat**

Sanad hadis *da ‘if* berat adakalanya boleh meningkat kepada status *da ‘if* atau ada asalnya apabila ia mempunyai lebih daripada satu jalan riwayat yang bergabung di antara satu sama lain. Justeru ia mampu mengukuhkan makna hadis tersebut sehingga boleh diamalkan dalam bab *faḍāil al-a‘māl*. Menurut Ibn Ḥajar, hadis yang kelemahannya timbul dari tuduhan dan *jahālah*<sup>77</sup> apabila banyak jalurnya, ia meningkat naik daripada status *munkar* tertolak yang tidak harus beramal dengannya pada semua keadaan, kepada status *da ‘if* yang harus beramal dengannya dalam *faḍāil al-a‘māl*.<sup>78</sup> Seterusnya beliau menegaskan bahawa sanad-sanad mereka terlalu lemah, tetapi perbezaan sumbernya menunjukkan bahawa hadis tersebut mempunyai asal.<sup>79</sup> Di tempat yang lain, beliau juga menyatakan bahawa banyak jalan periwayatan apabila berbeza tempat rujukannya, maka matan hadis akan menjadi kuat.<sup>80</sup>

Al-Suyūṭī juga ada menyebutkan kaedah menguatkan hadis yang sangat lemah dengan jalur yang banyak dalam kitab beliau yang masyhūr iaitu *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Beliau menjelaskan bahawa adapun hadis *da ‘if* kerana kefasikan perawi atau penipuannya, maka persamaan orang lain tidak memberi kesan padanya, sekiranya orang lain itu sama sepertinya, kerana kuat kelemahannya dan lemah

---

<sup>75</sup> Muḥammad Ibn Bahā al-Dīn ‘Abdullah Ibn Shāhīr al-Dimashqī, ‘*Uqūd al-Durār fī ‘ulūm al-Athār wa Sharhuha*, ed. Muṣṭofā Ismā‘il (Beirut: Dār Ibn Ḥazam, 2005), 25.

<sup>76</sup> ‘Abd al-Rahman Ibn al-Ḥusain al-‘Irāqī, *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tazkīrah*, ed. Syekh Māhīr Yāsīn al-Fahl (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, 2002), 1: 325.

<sup>77</sup> Perawi yang diketahui tentang sifat dan sebagainya.

<sup>78</sup> Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Imtīnā’ bi al-Arba ‘in al-Mutabāyīnah al-Simā’*, ed. Muḥammad Ḥassan al-Shahīr (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 80.

<sup>79</sup> Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Shu‘aib al-Arnaūṭ (Beirut: Syarikat al-Risalah al-‘Alāmiyyat, 2013), 10: 446.

<sup>80</sup> Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Al-Qawl Musaddad fī al-Zabbī ‘an Musnad Aḥmad* (Kaherah: Maktabah Ibn Taiṃīyyah, 1981), 163.



sokongan itu. Ya. Ia boleh meningkat naik - kerana kumpulan jalurnya - dari keadaannya yang munkar atau tiada asal. Sheikh al-Islam Ibn Hajar menyebutnya dengan jelas bahawa mungkin jalurnya yang banyak membawanya kepada kedudukan *mastūr* (perawi yang tidak dikenali), di mana sekiranya terdapat jalur lain yang lemah biasa yang boleh ditanggung, ia boleh meningkat naik - dengan kumpulan tadi - kepada status *ḥasan*.<sup>81</sup>

Al-Suyūṭī menegaskan bahawa kaedah menguatkan hadis *da'if* yang berat dengan jalur yang pelbagai, bukanlah ciptaan atau pandangannya semata-mata. Bahkan ia merupakan pegangan imam besar dalam ilmu hadis. Mari kita lihat perbincangan ulama yang hidup sezaman, sebelum dan selepas zaman beliau:

- i. Ibn 'Asākir (w.571): Beliau memberi komentar terhadap hadis kelebihan menyampaikan 40 hadis yang setiap jalurnya adalah sangat lemah. Telah berkata Ibn 'Asākir: Dengan sanad-sanad yang kesemuanya dipertikaikan dan tiada ruang baginya dan sebelumnya untuk disahihkan. Tetapi hadis yang *da'if* apabila digabungkan sebahagian kepada sebahagian yang lain, ia diambil kekuatannya terutama pada perkara yang tiada penentuan wajib.<sup>82</sup>
- ii. Al-Silafī: (w.576) Beliau telah menilai hadis kelebihan menyampaikan 40 hadis sebagai ḥasan walaupun setiap jalurnya sangat lemah. Penilaian beliau lalu ditegur oleh Ibnu Hajar bahawa ia tidaklah sampai ke peringkat itu.<sup>83</sup>
- iii. Al-Mundhirī (w.656): Namun yang menarik ialah komentar al-Mundhirī kepada tindakan al-Silafī berkaitan kelebihan menghafal hadis 40 tersebut. Beliau menjawab bahawa al-Silafī mengikuti cara orang yang berpandangan, hadis yang *da'if*

---

<sup>81</sup> Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl 'Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rawī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Beirut. Dār al-Fikr, 1993), 1: 194.

<sup>82</sup> Abū al-Qāsim Ibn 'Alī Ibn al-Ḥasan Ibn 'Asākir, *Arb'ūn al-Buldānīyyah*, ed. 'Abd al-Ḥaj Muḥammad al-Harīrī, (Beirut: Maktabat al-Islāmī, 1993), 25.

<sup>83</sup> Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Hajar al-'Asqalānī, *al-Imtīnā' bi al-Arba'īn al-Mutabāyinah al-Simā'*, 71.

apabila digabungkan sebahagian kepada sebahagian lain akan menimbulkan kekuatannya.<sup>84</sup>

- iv. Al-Nawāwī (w.676): Ketika beliau menjelaskan tentang hadis kelebihan menyampaikan 40 hadis bahawa para *huffāz* hadis telah bersepakat bahawa ia adalah hadis *ḍa'īf* disebabkan banyak jalan periwayatannya.<sup>85</sup>
- v. Al-Zahabī (w.748): Berkaitan hadis “Barangsiapa yang menziarahi kuburku, maka wajib syafaat baginya”. Al-Kandahlawī menaqlkan perkataan al-Dhahabī bahawa sanad hadis ini terdapat perawi yang dituduh berdusta. Walaupun begitu, hadis ini dikuatkan bersama sebahagiannya yang lain sehingga menjadi *ḥasan*.<sup>86</sup>
- vi. Al-Mizzī (w.742): Al-‘Ajlūnī (w.1162) ketika membahaskan tentang hadis “*Tuntutlah ilmu walau ke negeri cina*” beliau mengatakan sanad hadis ini *ḍa'īf*. Bahkan Ibn Ḥibban menilainya *bāṭil*.<sup>87</sup> Ibn al-Jauzī juga menyebutkan hadis ini dalam kitabnya *al-Mawḍū‘āt*. Namun begitu perkara ini dibantah oleh al-Mizzī. al-Mizzī mengatakan hadis tersebut mempunyai beberapa jalur riwayat yang himpunannya sampai ke darjat *ḥasan*.<sup>88</sup>
- vii. Al-Būṣirī (w.840): Terdapat perbincangan berkenaan sebuah hadis berkaitan “*Doa adalah senjata bagi orang – orang mukmin*”. Al-Haithamī (w.807) mengatakan dalam sanad hadis ini terdapat perawi yang bernama Muḥammad Ibn al-Ḥasan Ibn Abī Yazīd

---

<sup>84</sup> Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Al-Fath al-Mubīn bi Sharḥ al-Arba‘īn*, ed. Abū Ḥamzah Anwār Ibn Abū Bakr, (Beirut: Dār al-Minhāj, 2008), 106.

<sup>85</sup> Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Imtīnā’ bi al-Arba‘īn al-Mutabāyinah al-Simā’*, 80.

<sup>86</sup> Muḥammad Zakariyya al-Kandahlawī, *Awjāz al-Masālik ilā Muwaṭṭa’ Mālik*, ed. Taqiy al-Dīn al-Nadwī, (Damsyīq: Dār al-Qalam, 2003), 2: 464.

<sup>87</sup> Perkhbaran yang disandarkan kepada Nabi SAW secara dusta yang mana ia tidak ada asal baginya. Ia juga semakna dengan hadis palsu.

<sup>88</sup> Ismā’il Ibn Muḥammad al-‘Ajlūnī, *Kashf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās ‘ammā Ishthara min al-Aḥādīth ‘alā Alsināt al-Nās*, 163.

al-Hamdānī. Nasā'ī mengatakan beliau *matrūk al-Ḥadīth*<sup>89</sup> dan Yahyā Ibn Ma'īn mengatakan beliau pendusta.<sup>90</sup> Al-Buṣīrī pula menjelaskan bahawa Sanad hadis ini lemah sanadnya kerana kelemahannya terletak pada Muḥammad Ibn Ḥasan, tetapi ia memiliki *shāhid* daripada hadis Abū Ḥurairah yang diriwayatkan oleh al-Ḥakīm dan beliau berkata sanadnya *ṣaḥīḥ*.<sup>91</sup>

viii. Al-Biqā'ī (w.885): Pada hadis *da'if* yang tersangat lemah, boleh jadi disebabkan berbilang sanadnya maka ia boleh sampai kepada darjat perawi yang *mastūr* dan perawi buruk hafalannya. Sekiranya hadis tersebut diriwayatkan dengan sanad yang lain yang mana di dalamnya terdapat perawi yang kelemahannya pada tahap yang ringan, jika dihipunkan, maka ia boleh naik kepada martabat *ḥasan lighairihi*.<sup>92</sup>

ix. Al-Sakhāwī (w.902): Boleh jadi, jalan sanad *wahī* (amat lemah) itu sama kedudukannya dengan sanad hadis *da'if* ringan yang mana jika ia datang sekali dengan sanad hadis *da'if* ringan yang lain, maka ia boleh naik kepada darjat *ḥasan lighairihi*.<sup>93</sup> Dalam kitab *Maqāṣid al-Ḥasanah*, terdapat hadis yang berbunyi “*Seorang faqīh lebih ditakuti syaitan dari seribu orang 'ābid*”. Al-'Irāqī mengatakan sanad hadis ini *da'if* berat. Al-Sakhāwī pula menjelaskan sanad hadis ini *da'if*, tetapi di antara satu sama yang lain ia saling menguatkan.<sup>94</sup>

---

<sup>89</sup> Seorang perawi yang dituduh penipu dan hadis itu tidak diketahui melainkan dari jalannya sahaja.

<sup>90</sup> Nūr al-Dīn al-Ḥaithamī, *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, ed. Ḥusin Sālim. (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2015), 342.

<sup>91</sup> Aḥmad Ibn Abī Bakr Ibn Ismā'īl al-Buṣīrī, *Ittiḥāf al-Khayrāt al-Mahīrāt bi Zawā'id al-Masānid al-'Asyarat*, ed. Abū 'Abd al-Raḥman Ibn Sa'd (Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, 1998), 352.

<sup>92</sup> Burhān al-Dīn Ibrāhīm Ibn Umar al-Biqā'ī, *al-Nukāt al-Wāfiyah bi mā fī Sharḥ al-Alfiyah*, ed. Māhir Ibn Yāsin Faḥl (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2007), 1: 248.

<sup>93</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyah al-Ḥadīth li al-'Irāqī*, 1: 97.

<sup>94</sup> Abū 'Abdullah Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Ḥasanat fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Musytahirat 'alā Alsinat*, ed. Muḥammad 'Uthmān al-Khasyat, (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arābī, 1985), 1: 130.

- x. Al-Ramlī: (w.957) Hadis *ḍaʿīf* yang bersangatan apabila ia disokong satu sama lain, maka ia boleh dibuat hujah dalam bab ini (*faḍāil al-aʿmal*).<sup>95</sup>
- xi. Ibn ʿIrrāq al-Kinānī (w.963): Hadis yang terdapat perawi *munkar* itu apabila berbilang sanadnya maka ia naik kepada darjat *ḍaʿīf* yang ringan, bahkan boleh jadi ia naik kepada *ḥasan liḡhairihi*.<sup>96</sup>
- xii. Muttaqī al-Hind (w.975): Terdapat sebuah hadis yang berbunyi “*barangsiapa yang mencela saudaranya disebabkan dosanya, maka ia tidak akan mati sebelum ia melakukan dosa tersebut.*” Hadis ini terdapat perawi yang bernama Muḥammad Ibn Ḥasan. Al-Nasāie mengatakan beliau *matrūk al-ḥadīth* dan Yahyā Ibn Maʿīn mengatakan beliau pendusta.<sup>97</sup> Muttaqī al-Hind pula menyimpulkan hadis ini *ḥasan* kerana ia saling menguatkan diantara satu sama lain.<sup>98</sup>
- xiii. Al-Munāwī (w.1031): Sekiranya terdapat perawi yang berdusta atau dituduh palsu atau seperti perawi yang hafalannya buruk atau tidak dikenali, jika wujud *shawāhid* dan *mutābaʿāt*, ia tidak menjadi hadis *ḥasan*, tetapi ia boleh diamalkan dalam *faḍāil al-aʿmal*.<sup>99</sup>
- xiv. Al-Laknawī (w.1225): Hadis berkenaan “*Barangsiapa yang menziarahi kuburku, maka wajib syafaat baginya*”. Al-Zahabī mengatakan semua jalur hadis ini *layyīn* (lemah) dan mempunyai

---

<sup>95</sup> Sayyīd Muḥammad al-ʿAlāwī al-Mālikī, *al-Manḥal al-Laṭīf fī Usūl al-Ḥadīth al-Sharīf*, 68.

<sup>96</sup> Abū Ḥasan ʿAlī Ibn Muḥammad Ibn ʿIrrāq al-Kinānī, *Tanzīh al-Syarīʿat al-Marfūʿāt ʿAn al-Akḥbār al-Syanīʿat al-Mauḍūʿāt*, ed. ʿAbd al-Wahāb ʿAbd al-Laṭīf, (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyāh, 1981), 1: 489.

<sup>97</sup> Abu Al-Farj ʿAbd al-Raḥman Ibn ʿAlī Ibn al-Jauzī, *Mauḍūʿāt*, ed. Abd al-Raḥman Muḥammad ʿUthmān, (Maktabah al-Salafīyyāt. 1966), 82.

<sup>98</sup> Al-Muttaqī al-Hind, *Kanz al-ʿUmmal fī Sunan al-Aqwāl wa al-Afʿāl*, (Beirut: Muassasat al-Risālah 1986), 1: 442.

<sup>99</sup> Muḥammad ʿAbd al-Raʿūf Ibn Tāj al-ʿĀrifīn al-Munāwī, *Faiḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmiʿ al-Ṣaghīr*, (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 1972), 1: 489.

perawi yang dituduh berdusta.<sup>100</sup> Al-Laknawī mengatakan, kebanyakan jalur-jalur hadis ini, walaupun *da'if*, tetapi sebahagian darinya menyelamatkan (hadis lain) dari kecacatan, dan melihat kepada himpunan tersebut (jalur sanad) akan menghasilkan hadis yang kuat.<sup>101</sup>

- xv. Al-Mubarakfurī (w.1353): Ketika membawakan perbincangan berkenaan hadis berkaitan “*Seorang faqīh lebih ditakuti syaitan dari seribu orang ‘ābid*”, al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar menaqlikan pendapat al-Sājī (w.307), beliau mengatakan hadis ini *munkar*. Ini kerana sanad hadis ini terdapat perawi yang bernama Rauḥ Ibn Janaḥ. Al-Mubarakfurī menjelaskan sanad-sanad hadis ini *da'if*, tetapi ia menguatkan di antara satu sama lain.<sup>102</sup>

Jika dilihat daripada praktis para ulama dalam kitab mereka di atas, sekiranya wujud sokongan riwayat hadis lain yang sama martabatnya atau lebih tinggi darinya, maka ada sebahagian yang menyatakan boleh diangkat menjadi *hasan*, dan ada sebahagian yang lain mengatakan hanya terangkat menjadi *da'if* ringan sahaja. Zakī Ibrāhīm dalam *Wazīfat al-Ḥadīth al-Ḍa'if* menyatakan bahawa hadis *da'if* berat apabila terdapat sokongannya dari *shawāhid* dan *mutāba'āt*, maka hadis *wāhī* (amat lemah), *munkar* dan *Lā aṣlā lahu* (tidak ada asalnya) dapat naik ke martabat yang lebih tinggi, iaitu darjat dimana ia layak untuk diamalkan dalam segenap lapangan selain akidah dan hukum-hakam.<sup>103</sup> Menurut Bazmūl, sekiranya hadis yang mempunyai perawi *da'if* berat apabila dikuatkan dengan periwayatan *da'if* yang berat atau *da'if* yang ringan atau *ḥāsan* atau *ṣaḥīḥ* yang lain, maka hadis tersebut boleh naik kepada darjat hadis yang lebih tinggi darinya. Kaedah ini boleh menghilangkan ruang lingkup *nakārah*<sup>104</sup> dan kelemahan yang

<sup>100</sup> Ismā'il Ibn Muḥammad al-'Ajlūnī, *Kaṣḥf al-Khaḥfā' wa Muẓīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsināt al-Nās*, 297.

<sup>101</sup> 'Abd al-Hayy al-Laknawī, *Ta'līq Mumajjad 'alā Muwaṭṭā'*, ed. Taqīy al-Dīn al-Nadwī. (Beirut: Dār al-Qalam, 1992), 482.

<sup>102</sup> Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥman Ibn 'Abd al-Raḥīm al-Mubarakfurī, *Tuḥfāt al-Ahwāzī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, ed. 'Iṣām al-Sibābīfī, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2001), 450.

<sup>103</sup> Zakī Ibrāhīm, *Wazīfat al-Ḥadīth al-Ḍa'if fī al-Islām wa Aqwāl Kibār Aimmāt al-Salaf wa al-Khalaf fīh* c.4, (Al-Azhar: Ṭoba' al-Rābi'at, 2000), 11.

<sup>104</sup> Kalimat atau perkataan yang maknanya bertentangan dengan riwayat yang *ṣaḥīḥ*.

bersangkutan pada hadis tersebut. Tambahan beliau lagi, padanan *mutāba'āt* dan *shawāhid* ini juga membuktikan bahawa sesuatu hadis itu masih mempunyai asalnya.<sup>105</sup>

Kebanyakan hadis *da'īf* berat yang terdapat dalam kitab-kitab *muhaddithīn muta'akhirīn*<sup>106</sup> hanya dinilai *keḍa'īf*annya pada sanad sahaja dan bukan pada keseluruhan hadis. Ini kerana, penilaian para ulama yang mengatakan '*hadis ini matrūk*' tidak sama keadaan hadisnya seperti sebahagian ulama yang menilai '*sanad hadis ini da'īf berat kerana terdapat perawi matrūk al-Hadis.*' Ibn Ṣalāh menyebutkan bahawa ketika kamu menemui hadis dengan sanad yang lemah, maka jangan kamu mengatakan hadis ini *da'īf*. Kamu tidak boleh mengatakan hadis tersebut *da'īf* dengan maksud matan hadis tersebut *da'īf* hanya disebabkan penilaian atas sanad yang lemah tadi. Ini kerana mungkin matan hadis tersebut diriwayatkan dengan sanad yang *ṣahīḥ* melalui riwayat yang lain dan boleh menguatkan hadis tersebut.<sup>107</sup> Sebagai contoh al-Bukhārī sendiri meriwayatkan sebuah hadis dari Ibn Abī Aufā dalam kitab beliau *al-Adāb al-Mufrad* yang berbunyi, "*Sesungguhnya rahmat Allah tidak akan turun kepada suatu kaum yang di dalamnya ada orang yang memutuskan silaturahim.*" Dalam sanad hadis tersebut terdapat perawi yang bernama Abī Idam Sulaiman Zaid al-Mahārābī. Beliau adalah perawi yang *da'īf* berat dan dituduh berdusta. Walaupun begitu, sebelum al-Bukhārī meletakkan hadis tersebut, terdapat empat hadis yang telah disebut dalam bab yang sama.<sup>108</sup> Ini merupakan bukti atau pendekatan yang diambil oleh para ulama dalam menyertakan hadis-hadis yang *ṣahīḥ* atau *maqbul* untuk matan hadis yang *da'īf* sebagai riwayat sokongan. 'Awwāmah menjelaskan bahawa *Muhaddithīn* telah membuka satu bab '*shawāhid*' untuk mensabitkan hadis dan memperluatkannya meskipun dalam keadaan di mana *shāhid*

---

<sup>105</sup> Bazmūl, Muḥammad Ibn 'Umar Ibn Sālim, "Taqwīyyāt al-Ḥadīth Baina al-Fuqāhā' wa al-Muhaddithīn," *Majallāt Jāmi'at Umm al-Qurā li 'Ulūm al-Syarī'āt wa al-lughat al-'Arabiyyat wa Adābuhā*, 2003, 35.

<sup>106</sup> Ulama hadis yang muncul selepas 500 Hijrah seperti al-'Irāqī, Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, al-Sakhāwī, al-Haitamī, al-Bulqīnī, al-Buṣīrī, al-Suyūṭī, Ibn 'Irrāq al-Kinānī dan ramai lagi.

<sup>107</sup> Abū 'Amrū 'Uthmān Ibn 'Abd Raḥman al-Syahrūzūrī Ibn Ṣalāh, *Ma'rifaḥ Anwā' 'Ilm al-Ḥādīth*, 104.

<sup>108</sup> Muḥammad 'Awwāmah, *Ḥukm al-'Amāl bi al-Ḥadīth al-Da'īf Bayna al-Nadhariyya wa al-Taḥbīq wa al-Da'wā*, 215.

dan *mashhūd* (riwayat yang disokong) kedua-duanya *da'if*. Saya membicarakan bab *shawāhid* secara khusus kerana ia berkaitan dengan makna matan dan saya ingin menegaskan bahawa para ulama begitu mengambil berat soal matan hadis dan maknanya. Maka apabila datang suatu fakta yang terdapat di dalam sesebuah hadis *da'if* dan ia disaksikan oleh hadis *da'if* yang lain, maka kamu akan melihat para ulama mensabitkan hadis tersebut dan menjadikannya sebagai sandaran.<sup>109</sup>

### Tahap Kebolehpercayaan Perawi *Da'if* Berat

Hadis *da'if* berat adalah hadis yang berkemungkinan tidak wujud sekiranya tiada sebarang sokongan kerana tahap kebolehpercayaan perawinya amat rendah. Antara kategori kritikan yang berat kepada perawi adalah seperti *muttāham bi al-kazib*,<sup>110</sup> *matrūk al-ḥadīth*, *munkar al-ḥadīth*<sup>111</sup> dan seumpamanya. Menurut Khalīl Ibrāhīm sepertimana yang kita ketahui bahawasanya ahli kitab, mereka sering menukar dan mengubah isi kandungan kitab mereka. Namun sebahagiannya ada yang masih kekal. Jika ada tempat yang boleh dipastikan akan pendustaannya, maka bahagian itu tidak perlu kita membenarkannya. Sekiranya ada bahagian yang kita pasti kebenarannya, maka bahagian itu harus kita membenarkannya. Bahagian yang lain pula jika tidak diketahui akan statusnya, maka bahagian itu akan menjadi kesamaran. Sekiranya riwayat dari ahli kitab dibenarkan dalam syariat, apatah lagi dari periwayatan ahli iman dan orang Islam yang disandarkan kepada baginda SAW. Maka disini adalah dibenarkan untuk mengambil riwayat dalam perkara menggemarkan dan menakutkan dari Yahudi dan Nasrani.<sup>112</sup> Oleh itu, apakah perawi muslim yang tidak *thiqat* itu lebih teruk daripada Yahudi dan Nasrani? Jawapannya tentu sekali tidak.<sup>113</sup>

---

<sup>109</sup> Muḥammad 'Awwāmah, *Dirāsāt al-Kāshifli al-Imām al-Dhahabī*, (Jeddah: Dār al-Minhāj lil Nashr wal Tawzī', 2009), 161.

<sup>110</sup> Perawi yang dituduh melakukan penipuan.

<sup>111</sup> Perawi yang hadisnya bertentangan dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi *thiqāh* yang lain.

<sup>112</sup> Mullā Khāṭir Khalīl Ibrāhīm al-'Azzāmī, "Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa'if bi al-Mawḍū' ," *Makalah Seminar Hadīth al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai*, 27- 29 Mac 2005, 99.

<sup>113</sup> Hussein Abd al-Kadir, *Pencerahan Dalam Bidang Hadith*, 35.

Perawi yang dikritik dengan kelemahan yang berat berkemungkinan kecil hampir tidak berguna lagi. Ini kerana perawi yang dikritik sedemikian adalah banyak kesalahan dan kesilapannya dalam periwayatan hadis. Tambahan lagi, mereka tidak lagi dipercayai oleh orang ramai dan keperibadiannya mungkin sudah tercalar dan buruk. Namun begitu, ia tidaklah ditolak secara mutlak periwayatan dari mereka. Menurut Khalīl Ibrāhīm, orang yang dituduh berdusta tidak semestinya perkataan mereka semuanya dusta. Walaupun seseorang itu dianggap berdusta, terkadang dibenarkan juga kata-kata pendusta.<sup>114</sup> Kenyataan ini juga diungkapkan oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dalam kitab beliau *Nuzhat al-Nazr*. Beliau berkata bahawa penilaian palsu pada hadis bukanlah satu kepastian, tetapi hanya berkemungkinan besar. Ini kerana sifat penipu bukan bermakna dia akan menipu pada semua keadaan dan perkataan.<sup>115</sup> Zakī Ibrāhīm berpendapat, boleh saja kesilapan dan kesalahan berlaku kepada perawi yang ‘*adil*’ lagi *dabit*’ sepertimana ia juga boleh berlaku kepada seorang perawi yang ada kesilapan dan kesalahan boleh jadi benar dalam perkataannya.<sup>116</sup> Menguatkan lagi pendapat beliau, al-Suyūṭī menjelaskan, sebagaimana harus seseorang perawi *thiqat* itu silap, lupa atau keliru, maka harus juga seorang perawi pendusta itu berlaku jujur atau seorang yang banyak silap itu menepati yang benar.<sup>117</sup> Al-Laknawī juga bersetuju dengan kenyataan tersebut.<sup>118</sup> Al-Mu‘allimī ketika memberikan penjelasan berkenaan dengan perawi yang dituduh berdusta bahawa sesungguhnya mujtahid dalam ilmu *rijāl*<sup>119</sup> kadang-kadang *thābit* kepadanya dengan dalil yang boleh dipegangi bahawa sesuatu khabar itu tidak ada asalnya dan tidak ada puncanya. Maka tuduhan ini diletakkan pada perawi tersebut. Persoalannya adakah perawi tersebut sengaja berdusta atau tersilap? Setelah memerhati dan meneliti, maka didapati bahawa hukum kepada

---

<sup>114</sup> Mullā Khāṭir Khalīl Ibrāhīm al-‘Azzāmī, “Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf bi al-Mawḍū‘,” 101.

<sup>115</sup> Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Nuzhat al-Nazar fī Tauḍīḥ Nukhbat al-Fikr*, ed. Nuruddīn ‘Itr, (Karachi: Maktabat al-Busyrā, 2011), 85.

<sup>116</sup> Zakī Ibrāhīm, *Waṣṭīyat al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf fī al-Islām wa Aqwāl Kibār Aimmāt al-Salaf wa al-Khalaf*, 18.

<sup>117</sup> Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rawī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Beirut. Dār al-Fikr, 1993), 39– 40.

<sup>118</sup> ‘Abd al-Hayy al-Laknawī, *al-Raf‘ wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta‘ḍīl*, ed. ‘Abd al-Fattah Abū Ghuddah. (Beirut: Maktabah al-Maṭbū‘at al-Islamiyyah, 2000), 189.

<sup>119</sup> Ilmu yang membahaskan tentang hal ehwal perawi hadis.



satu daripada dua perkara tersebut adalah wujud. Boleh jadi sangkaannya itu cenderung kepada salah satu daripada dua perkara tersebut, cuma tidak sampai kepada tahap yang boleh diputuskan sebagai pasti.<sup>120</sup>

Faktor lain yang menyebabkan hadis tersebut masih mungkin untuk diamalkan adalah disebabkan wujud perawi pada sanadnya tidak disepakati untuk ditinggalkan. Jika ulama akan meninggalkan riwayat perawi yang disepakati ditinggalkan, bagaimana pula dengan riwayat perawi yang tidak disepakati untuk ditinggalkan? 'Abd al-Fattah Abū Ghuddah ketika menukulkan perkataan al-Dhahabī, beliau menjelaskan bahawa mazhab al-Nasā'ī tidak akan meninggalkan seorang perawi pun melainkan telah terhimpun kesepakatan dari ulama untuk meninggalkan hadisnya.<sup>121</sup> Abū Dawūd dalam kitab beliau Sunan Abī Dawūd menjelaskan bahawa tiada di dalam kitab sunan yang aku susun ini terdapat perawi yang *matrūk al-ḥadīth*. Di sini timbul beberapa kemusykilan kerana masih terdapat perawi yang dinilai *matrūk* oleh Abū Dawūd dan dimasukkan dalam kitabnya. Walaubagaimanapun, Ibn Rajab al-Ḥanbālī menjelaskan, perawi yang dikatakan *matrūk al-ḥadīth* oleh Abū Dawūd adalah perawi *al-Matrūk al-Mujma' 'alā tarkihi*<sup>122</sup> dan bukannya semua perawi yang *matrūk* itu perlu ditinggalkan. Pandangan ini dipersetujui oleh Ibn Tāhīr al-Maqdīsī.<sup>123</sup> Selain itu, menurut 'Awwāmah pula, al-Mundhirī akan menolak hadis yang disepakati hadisnya untuk ditinggalkan. 'Awwāmah sekali lagi menjelaskan, mungkin perawi yang disepakati untuk ditinggalkan adalah ketika perawi tersebut meriwayatkan hadis secara *tafarrud* atau diduga sebagai pemalsu hadis. Disebabkan itulah para ulama ketika menyebutkan hadis yang *da'if* sanadnya, mereka juga akan menyertakan *shawāhid* dan dalil penguat yang berbilang sehingga wujud kebenaran makna yang terkandung dalam hadis *da'if* tersebut.<sup>124</sup>

<sup>120</sup> 'Abd al-Rahman Ibn Yaḥyā al-Mu'allimī, *al-Tankīl bi mā fī Ta'nīb al-Kautharī min al-Abā'īl*, (Beirut: Al-Maktabah al-Islāmī, 1986), 222.

<sup>121</sup> 'Abd al-Fattah Abū Ghuddah, *Arba' Rasā'il fī 'Ulum al-Ḥadīth*, (Beirut: Maktabah Nahḍah, 1990), 137.

<sup>122</sup> Perawi yang disepakati untuk ditinggalkan.

<sup>123</sup> 'Abd al-Fattah Abū Ghuddah, *Thalāthah Rasā'il fī 'Ilm Muṣṭalāh al-Ḥadīth*, (Halab: Maktab al-Maṭbū'at al-Islamiyyah, 1997), 33.

<sup>124</sup> Muḥammad 'Awwāmah, *Ḥukm al-'Amāl bi al-Ḥadīth al-Da'if Bayna al-Nadhariyya wa al-Taṭbīq wa al-Da'wā*, 217.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan yang telah dijelaskan sebelum ini, dapat dirumuskan beberapa dapatan dan perbincangan berkaitan hadis *da'if* berat dalam beberapa aspek:

- i. Hadis palsu, hadis *matrūk*, hadis *munkar* dan hadis *shādh* merupakan bahagian daripada hadis *da'if* berat. Faktor yang menjadikan sesebuah hadis *da'if* berat itu ditolak ialah terdapat perawi yang dikritik secara berat dan periwayatannya berlaku dalam keadaan *tafarrud*. Sanadnya juga berlaku pertentangan dengan perawi yang lain atau yang lebih tinggi kedudukannya. Tambahan lagi tiada riwayat sokongan yang boleh menyokong makna hadis tersebut. Faktor – faktor yang lain ialah wujud tanda-tanda atau bukti yang kukuh seperti bertentangan dengan nas-nas al-Quran, periwayatan hadis yang *ṣahīh*, *ijmā'* para ulama dan kaedah syariat yang lain. Oleh itu, penilaian ini berlaku dari keseluruhan sudut sama ada dari sanad dan matan hadis. Sekiranya setiap ungkapan atau lafaz dari *muhaddithīn* terutamanya dalam kalangan *muta'khirin* seperti '*hadis ini palsu, hadis ini matrūk, hadis ini munkar dan hadis ini shādh,*' ditemui dalam kitab-kitab mereka, berkemungkinan besar kebanyakan hadis seperti ini tidak boleh diamalkan disamping kesepakatan dari para *muhaddithīn* untuk ditinggalkan hadisnya.
- ii. Kebiasaan punca utama kecacatan sesebuah hadis adalah datang daripada kesilapan perawi. Secara umumnya, kesilapan tersebut boleh dikesan menerusi pelbagai bentuk. Salah satunya adalah dari aspek *tafarrud* dalam sesuatu periwayatan hadis. Hadis *da'if* yang diriwayatkan secara *tafarrud* oleh sanad yang terdapat di dalamnya perawi yang dikritik dengan kritikan yang berat merupakan antara salah satu faktor sesebuah hadis itu ditolak. Tambahan lagi, sanad hadis tersebut bertentangan dengan sanad sekumpulan perawi lain atau yang lebih kuat darinya.
- iii. Hadis yang matannya menyelisih kaedah agama seperti bertentangan dengan nas al-quran, hadis-hadis mutawatir yang *qaṭ'ī*, hadis-hadis *ṣahīh*, hadis-hadis yang *maqbul*, *ijmā'* para

ulama, kewarasan akal dan membawa kepada makna yang rosak, maka hadis sebegini perlu ditolak.

- iv. Hakikatnya, hadis *da'if* yang berat terbahagi kepada dua kategori iaitu hadis *da'if* berat yang disepakati kelemahannya oleh *muhaddithīn* atau kelemahannya yang menghampiri kepada hadis palsu, maka hadis seperti ini perlu ditolak dan tidak boleh diamalkan. Kategori kedua pula adalah hadis *da'if* berat yang masih ada ruang untuk diterima dan diamalkan. Kebiasaannya, bahagian ini adalah hadisnya diperselisihkan oleh *muhaddithīn* di antara hadis *da'if* ringan dan hadis *da'if* berat. Lafaz pengecualian yang sering dilafazkan oleh *muhaddithīn* seperti '*selagi mana ia tidak palsu*', '*tidak sampai ke tahap kategori palsu*' dan '*selain dari hadis palsu*' seolah-olah seperti ingin menggambarkan bahawa kategori hadis *da'if* berat yang diterima juga berada pada kedudukan yang sama dengan hadis *da'if*. Sebahagian para ulama secara praktikalnya masih memberi ruang dan kelonggaran dalam menggunakan hadis *da'if* yang berat ini. Sungguhpun kita sering mendengar bahawa pengamalan hadis *da'if* mestilah dengan syarat bahawa ianya bukan *da'if* yang berat, namun ia bukanlah suatu kaedah yang *qat'ī* untuk menjadikan hadis *da'if* yang berat itu terus ditolak secara mutlak tanpa budi bicara. Kebanyakan hadis *da'if* berat yang terdapat di dalam kitab-kitab *muhaddithīn muta'akhirīn* hanya dinilai *keḍa'ifannya* pada sanad sahaja dan bukan pada keseluruhan hadis. Ini kerana, penilaian dari *muhaddithīn* yang seringkali dilafazkan seperti '*hadis ini matruk*' tidak sama keadaan hadisnya seperti lafaz '*sanad hadis ini da'if berat kerana terdapat perawi matruk al-ḥadīth.*'
- v. Sekiranya jalan periwayatannya pelbagai, maka ia mempunyai asas kukuh yang boleh menaikkan tarafnya ke tahap yang boleh diterima dan maksud hadis tersebut masih ada asalnya berbanding dengan tarafnya yang sebelum itu ditolak. Disamping itu, jika kandungan teks hadis *da'if* berat itu disokong oleh aspek-aspek luaran atau *qarā'in* (bukti-bukti iringan) yang menguatkannya seperti *athar* atau *mawqūf* (perkataan) sahabat, keselarasan ayat-ayat al-Qurān, dan dalil-dalil keumuman yang

lain seperti *ijmā'* para ulama, *qiyās*, *talaqqi ummāt bi al-qabūl* (penerimaan umat Islam), maka hadis seperti ini masih ada ruang untuk diterima. Dalam bab ini, pengkaji melihat hadis sebegini hanyalah dinaikkan kepada taraf hadis *ḍa'īf* yang boleh diterima dan diamalkan dalam perkara *faḍā'il al-a'māl* sahaja. Dalam masa yang sama tidak menafikan pandangan ulama yang mengatakan boleh sampai ke tahap hadis *ḥasan*. Kaedah inilah yang dipraktikkan oleh Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, al-Sakhāwī, al-ʿIrāqī, Mulla ʿAlī Qarī dan lain-lain lagi.

- vi. Tahap kebolehpercayaan perawi yang dikritik dengan kritikan yang berat ini berada di tahap yang amat rendah kepercayaannya dalam periwayatan hadis. Mungkin juga kewujudan hadis tersebut hampir tiada. Namun, hadisnya masih tidak dapat ditolak sepenuhnya secara mutlak. Ini kerana, boleh jadi harus seseorang perawi *thiqaṭ* itu silap, lupa atau keliru, maka harus juga seseorang perawi dituduh berdusta itu berlaku jujur atau seorang yang banyak silap itu menepati yang benar. Faktor lain yang diambil kira ialah hadis yang ada pada sanadnya perawi yang tidak disepakati untuk ditinggalkan oleh pengkritik hadis, maka ia tidak termasuk hadis yang sepakat untuk ditinggalkan. Ini berlaku disebabkan terdapat perselisihan pandangan pengkritik hadis terhadap kreadibiliti seseorang perawi. Oleh itu, perawi yang dikritik dengan dengan kritikan yang berat ini perlu diteliti oleh seluruh pandangan ulama *jarḥ wa ta'dīl* terlebih dahulu, menimbang sebarang kemungkinan pada sahsiah perawi, mengumpul jalan-jalan periwayatan hadis yang lain, membuat perbandingan menggunakan usul syarak dan menentukan jenis-jenis hadis sama ada ia meliputi perkara hukum, akidah atau *faḍā'il* sahaja. Maka jalan ini lebih selamat.

## KESIMPULAN

Penelitian di atas menunjukkan bahawa *border line* yang sebenar untuk menolak sesebuah hadis *ḍa'īf* berat ialah apabila ulama telah bersepakat ke atas kelemahan sesebuah hadis dan tidak ada *qarīnah* yang dapat menjadi sebab kepada penerimaannya untuk diamalkan. Namun, selagimana sanad hadis itu masih di martabat *ḍa'īf* berat sekalipun,

disamping wujud faktor-faktor tertentu seperti khilaf pada perawi, wujud nas-nas sokongan dan penilaian status hadis yang berbeza antara para ulama, maka ia tidak boleh terus ditolak secara *total* kerana hadis tersebut mempunyai kelayakan untuk diamalkan sehingga wujud kebenaran makna yang terkandung dalam hadis *da'if* tersebut. Kewujudan hadis *da'if* berat banyak dijumpai dalam kitab – kitab hadis oleh *muhaddithin* bukanlah terletak pada kedudukan hadis itu berada pada bab yang utama, akan tetapi hadisnya berperanan sebagai hadis sokongan sahaja. Ini merupakan bukti sikap, tanggungjawab dan amanah yang diambil oleh *muhaddithin* ketika menjelaskan sesebuah hadis dalam kitab-kitab mereka. Jika seseorang agamawan, penceramah atau yang seangkatan dengannya menemui sesebuah hadis di dalam sanadnya terdapat perawi yang dikritik dengan kritikan yang berat, sebaik-baiknya jangan menilai dan menghukum penolakan secara mutlak terhadap hadis tersebut. Cuba usaha untuk membuat kajian mencari jalan alternatif yang lain seperti mendapatkan riwayat sokongan dari dalil-dalil yang *ṣaḥīḥ* atau dalil keumuman yang lain. Mengenal pasti hadis yang dikatakan hadis *da'if* berat memang perlu supaya kita dapat mengesahkan sama ada ia memang benar-benar disepakati untuk ditinggalkan oleh semua ulama atau ada khilaf mengenainya. Semoga dengan usaha yang sedikit ini dapat memberikan manfaat kepada agamawan dan ahli akademik terutamanya di Malaysia ini.

## RUJUKAN

- Abdul Muid, Mustafid, Ahmad Sabiq Ni'am, Fawaidul Hilmi & Muhammad Sufyan. *Membela Hadis Daif dan Ihya Ulumiddin*. Jawa Timur: Sidogiri Penerbit, 2020.
- Abū Ghuddah, 'Abd al-Fattah *Arba' Rasāil fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, Beirut: Maktabah Nahḍah, 1990.
- Abū Ghuddah, 'Abd al-Fattah, *Thalāthah Rasāil fī 'Ilm Muṣṭolāh al-Ḥadīth*. Halab: Maktab al-Maṭbū'at al-Islamiyyah. 1997.
- Al-'Ajlūnī, Ismā' il Ibn Muḥammad. *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishṭahara min al-Aḥādīth 'alā Alsināt al-Nās*. Mesir: Maktabah al-Qudsī, 1932.
- Al-'Asqalānī, Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar. *Al-Imtinā' bi al-Arba'īn al-Mutabāyinah al-Simā'*. ed.: Muḥammad Ḥassan al-Syahir. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.

- Al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. *Al-Qawl Musaddad fī al-Zabbī ‘an Musnad Aḥmad*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimīyyah, 1981.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Syu‘aib al-Arnaūṭ. Beirut: Syarīkat al-Risalah al-‘Alāmiyyat, 2013.
- Al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. *Nuzhat al-Nazar fī Tauḍīḥ Nukhbat al-Fikr*. ed.: Nuruddīn ‘Iṭr. Karachi: Maktabat al-Busrā, 2011.
- Al-Baihāqī, Abū Bakr Aḥmad Ibn Ḥusain Ibn ‘Alī. *Ma‘rifat al-Sunan wa al-Āthār*. Damsyīq: Dār Qutaibah, 1991.
- Al-Biqā‘ī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm Ibn Umar, *al-Nukāt al-Wāfiyah bi mā fī Sharḥ al-Alfiyah*, ed. Māḥir Ibn Yāsīn Faḥl. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 2007.
- Al-Buṣīrī, Aḥmad Ibn Abī Bakr Ibn Ismā‘īl, *Ittiḥāf al-Khairāt al-Mahīrāt bi Zawāid al-Masānid al-‘Asyarat*. ed. Abū ‘Abd al-Raḥman Ibn Sa‘d. Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, 1998.
- Al-Dhahabī, Syams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad. *Al-Mūqīzah*. ed. ‘Abd al-Fattaḥ Abū Ghuddah. c. 5. Kaherah: Dār al-Salam, 2000.
- Al-Dimashqī, Muḥammad Ibn Bahā al-Dīn ‘Abdullan Ibn Shāhir. *‘Uqūd al-Durār fī ‘ulūm al-Athār wa Sharhuha*, ed. Muṣṭofā Ismā‘īl. Beirut: Dār Ibn Ḥazam, 2005.
- Al-Ghourī, Syed ‘Abd al-Mājid. *Al-Ḥādīth al-Mauḍū‘ Asbāb Ikhtilāqihi wa Khuṭura Intishārihi wa Dawābiṭ Ma‘rifatihi wa Torīqat al-Takhallūs minhu*. Bangi: Dār al-Shakir, 2017.
- Al-Ghourī, Syed ‘Abd al-Mājid. *Al-Muyassar fī ‘Ilmī Muṣṭalah al-Ḥādīth*. Bangi: Dār al-Shakir, 2019.
- Al-Ghourī, Syed ‘Abd al-Mājid. *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥādīthiyyah*. Bangi: Dār al-Shakir, 2012.
- Al-Ḥaithamī, Nūr al-Dīn. *Majma‘ al-Zawāid wa Manba‘ al-Fawāid*, ed. Ḥusīn Sālim. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2015.
- Al-Haytamī, Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. *Al-Fath al-Mubīn bi Sharḥ al-Arba‘īn*, ed. Abū Ḥamzah Anwār Ibn Abū Bakr. Beirut: Dār al-Minhāj, 2008.
- Al-Idlābī, Ṣalāḥ al-Dīn Ibn Aḥmad, *Manhaj Naqd al-Matn ‘Inda ‘Ulamā al-Ḥādīth al-Nabawī*. Kaherah: Dar al-Fatāḥ, 2012.
- Al-‘Irāqī, ‘Abd al-Rahman Ibn al-Ḥusain. *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tazkīrah*, ed. Syeikh Māḥir Yāsīn al-Fahl. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, 2002.

- Al-Judai', 'Abdullah Ibn Yūsuf. *Tahrīr fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Muassasat al-Rayyan, 2003.
- Al-Kandahlawī, Muḥammad Zakariyya. *Awjāz al-Masālik ilā Muwaṭṭa' Mālik*. ed.: Taqīyy al-Dīn al-Nadwī. Damsyīq: Dār al-Qalam, 2003.
- Al-Khāṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad Ibn 'Ālī Ibn Thābit. *Al-Kifāyat fi 'Ilm al-Riwāyat*. Jām'iyyah Da'irah al-Ma'arif al-'Uṭhmaniyyah, 1933.
- Al-Khayr 'Abādī, Abū Laith. *Mu'jam Muṣṭalaḥāt al-Ḥadīth wa 'Ulumuhu wa Ashar al-Muṣonnifīn fih*. 'Ammān: Dār al-Nafāis, 2009.
- Al-Khayr 'Abādī, Abū Laith. *'Ulūm al-Ḥadīth Aṣluha wa Mu'āshiruha*. Bangi: Dār al-Syākir, 2019.
- Al-Khumaysī, 'Abd al-Raḥman Ibn Ibrāhīm. *Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*. Beirut: Dār Ibn Ḥazam, 2005.
- Al-Kinānī, Abū Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn 'Irrāq. *Tanzīh al-Syarī'at al-Marfū'at 'An al-Akḥbār al-Syanī'at al-Maudū'āt*, ed. 'Abd al-Wahāb 'Abd al-Laṭīf. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyāh, 1981.
- Al-Laknawī, 'Abd al-Hayy. *Al-Raf' wa al-Takmil fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, ed. 'Abd al-Fattah Abū Ghuddah. Beirut: Maktabah al-Maṭbū'at al-Islamiyyah, 2000.
- Al-Laknawī, 'Abd al-Hayy. *Ta'līq Mumajjad 'alā Muwaṭṭā'*, ed. Taqīyy al-Dīn al-Nadwī. Beirut: Dār al-Qalam, 1992.
- Al-Mu'allimī, 'Abd al-Raḥman Ibn Yaḥyā. *Al-Tankīl bi mā fī Ta'nīb al-Kautharī min al-Abāṭil*. Beirut: Al-Maktabah al-Islāmī, 1986.
- Al-Mubarakfūrī, Muḥammad Ibn 'Abd al-Raḥman Ibn 'Abd al-Raḥīm. *Tuhfāt al-Ahwāzī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*. ed. 'Iṣām al-Sibābiṭī. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2001.
- Al-Munāwī, Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf Ibn Tāj al-'Ārifīn. *Faiḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1972.
- Al-Muttaqī al-Hind. *Kanz al-'Ummal fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*. Beirut: Muassasat al-Risālah, 1986.
- Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Ibn Sharaf. *Al-Azkār al-Nawāwiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.
- Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Ibn Sharaf. *Al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma'rifat al-Sunan al-Bashīr wa al-Nadhīr*, ed. Muḥammad al-Khasyt. c. 1. Beirut: Dar al-Kitāb al-'Arabi, 1985.

- Al-Sakhāwī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥman. *Al-Maqāṣid al-Ḥasanat fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Musytahirat ‘alā Alsinat*, ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasyat. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arābī, 1985.
- Al-Sakhāwī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥman. *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-‘Irāqī*. ed. ‘Alī Ḥusain ‘Alī. Beirut: Dār al-Imām al-Ṭabarī, 2003.
- Al-Sibā‘ī, Muṣṭafā. *Al-Sunnah wa Makānatuhu fī Tashrī‘ al-Islāmī*. Beirut: Maktabah al-Islāmī, 1985.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. *Tadrīb al-Rawī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Beirut. Dār al-Fikr, 1993.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. *Tadrīb al-Rawī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, 1993.
- Al-Tahānawī, Zafār Aḥmad al-‘Uthmāni. *Qawā‘id fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, ed. ‘Abd al-Fattaḥ Abū Ghuddah. Beirut: Dār al-Qalam, 1972.
- Al-Tirmidhī, Abu ‘Isa Muḥammad Ibn ‘Isa. *Mawsū‘āt al-Ḥadīth al-Sharīf Kutub al-Sittah, Jāmi‘ al-Tirmidhī bi Isyrāf wa Murāja‘āt Ṣaliḥ Ibn ‘Abd al-‘Azīz Ibn Muḥammad Ibrāhim Al-Syaykh*. c. 3. Riyāḍ: Dār al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2000.
- ‘Awwāmah, Muḥammad, *Dirāsāt al-Kāshif li al-Imām al-Dhahabī*. Jeddah: Dār al-Minhāj lil Nashr wal Tawzī‘, 2009.
- ‘Awwāmah, Muḥammad. *Ḥukm al-‘Amāl bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf Bayna al-Nadhariyya wa al-Taṭbīq wa al-Ḍa‘wā*. Jeddah: Dār al-Minhāj lil Nashr wal Tawzī‘, 2017.
- Bazmūl, Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn Sālim, “Taqwiyyāt al-Ḥadīth Baina al-Fuqāhā’ wa al-Muḥaddithīn,” *Majallāt Jāmi‘at Umm al-Qurā li ‘Ulūm al-Syarī‘āt wa al-lughat al-‘Arabiyyat wa Adābuha*, 2003.
- Ḥammām, ‘Abd al-Jawād. *Al-Tafarrūd fī Riwāyah al-Ḥadīth wa Manhaj al-Muḥaddithīn fī Qaulihi Wa Raddihi*. c. 1. Damsyīq. Dār al-Nawādir, 2008.
- Hussein Abd al-Kadir. *Pencerahan Dalam Bidang Hadith*. Kota Bharu: Jabal Maraqy Sdn. Bhd., 2017.
- Ibn Abī Ḥātim, Abū Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān. *Al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*. c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, 1953.



- Ibn al-Jauzī, Abū Al-Farj ‘Abd al-Raḥman Ibn ‘Alī. *Maudū‘āt*. ed.; Abd al-Raḥman Muḥammad ‘Uthmān. Beirut: Maktabah al-Salafiyyāt, 1966.
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim Ibn ‘Alī Ibn al-Ḥasan. *Arb‘ūn al-Buldānīyyah*, ed. ‘Abd al-Ḥaj Muḥammad al-Harīrī. Beirut: Maktabat al-Islāmī, 1993.
- Ibn Daqīq al-‘īd, Abū al-Faḍl Taqī al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Wahab. *Ihkām al-Aḥkām Sharḥ ‘Umdāt al-Aḥkām*. Kaherah: Maktabat al-Sunnah, 1997.
- Ibn Ṣalāh, Abū ‘Amrū ‘Uthmān Ibn ‘Abd Raḥman al-Syahrūzūrī. *Ma‘rifah Anwā‘ ‘Ilm al-Ḥādīth*, ed. Māhir Yāsin Faḥl & ‘Abd al-Laṭīf al-Ḥamīm. c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, 2002.
- Ibn Ṣalāh, ‘Uthmān Ibn ‘Abd al-Raḥman Taqī al-Dīn. *Muqaddimah Ibn Ṣalāh*. ed.: Nuruddīn al-‘Iṭr. Beirut: Dār al-Fikr, 1986.
- Khadher Ahmad & Fauzi Deraman, *Pendekatan ‘Ulum al-Ḥādīth Dalam Menangani Salah Faham Terhadap Sunnah*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2021.
- Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh. *Al-Ittijāhāt al-Ḥādīthiyyah fī al-Qarn al-Rābi‘ ‘Aṣar*. Kaherah: Dār al-Baṣāir, 2009.
- Maḥmūd Taḥḥan, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥādīth*. Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, 2011.
- Muhammad Mustafa Azami. *Studies in Hadith Methodology and Literathure*, Terj. A. Yamin, Metodologi Kritik Hadith. Bandung: Pustaka Hidayah, 1992.
- Mullā Khāṭir Khalīl Ibrāhīm al-‘Azzāmī. “Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥādīth al-Ḍa‘īf bi al-Mawḍū‘,” *Makalah Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai*, 27-29 Mac 2005.
- Nuruddīn al-‘Iṭr. *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥādīth*. Damsyīq: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 1997.
- Sayyīd Muḥammad al-‘Alāwī al-Mālikī. *Al-Manhal al-Laṭīf fī Usūl al-Ḥādīth al-Sharīf*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyāh, 2000.
- Ṭārīq ‘Iwāḍ Allah. *Sharḥ Alfīyyah al-Ḥādīthiyyah al-Musamma bi Lughah al-Muḥaddīth al-Kubrā*. c. 1. Kaherah. Dār Ibn ‘Affān, 2017.

Zakī Ibrāhīm. *Wazīfat al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf fī al-Islām wa Aqwāl Kibār Aimmāt al-Salaf wa al-Khalaf fīh*, c. 4. Al-Azhar: Ṭaba‘ al-Rābi‘at, 2000.